

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Pelan Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad ("Syarikat")
Nama Produk : Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat (GMBIS)
Nama Pemegang Polisi : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Nombor Polisi/ Nombor Skim : GS 106(Dulu dikenali sebagai GS 3548)
Nama Pelanggan : _____
Tarikh : _____

1. Apakah produk ini?

GMBIS ialah Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat berkait pelaburan yang menyediakan perlindungan dan pulangan pelaburan yang tidak dijamin berdasarkan prestasi dana unit yang dipilih. Skim ini tidak mempunyai penyertaan dalam lebihan dana hayat.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Berdasarkan pelan pilihan anda, manfaat berkenaan akan dibayar berdasarkan Bahagian A bagi Jadual Manfaat, Premium dan Komisen (dilampirkan pada bahagian akhir Risalah Pemberitahuan Produk ini) dan Jadual Pampasan bagi Hilang Upaya Separa dan Kekal di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat.

Jadual Pampasan bagi Hilang Upaya Separa dan Kekal

Seksyen A	% daripada jumlah asurans
1.) Kematian	100%
Seksyen B	% daripada jumlah asurans
1.) Kehilangan Kedua-dua Tangan	100%
2.) Kehilangan Kedua-dua Kaki	100%
3.) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
4.) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
5.) Ketidakwarasan penuh dan tidak dapat diubati	100%
6.) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%
7.) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%
8.) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
Bagi kecederaan yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar secara bersekadar berdasarkan kecederaan yang dialami, seperti dinyatakan dalam polisi induk. Namun amaun keseluruhan yang dibayar tidak akan melebihi 100% daripada jumlah asurans keseluruhan.	

Butiran lanjut berkenaan pelan ini:

- Pilihan untuk menambah atau mengurangkan jumlah asurans pada bila-bila masa dengan melengkapkan borang cadangan (tertakluk kepada terma dan syarat).
- Perlindungan boleh ditawarkan kepada pasangan dan anak yang sah.
- Premium boleh dibayar melalui potongan gaji / potongan bank (FPX)
- Jika suatu tuntutan yang sah (ke atas hayat anak yang diasuranskan) berlaku sebelum umur 5 tahun hari jadi berikutnya, lien kanak-kanak akan dikenakan.

Pelan yang anda beli ialah:

- Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat Berkait Pelaburan dengan perlindungan sehingga umur 36 tahun hari jadi berikutnya.

Nilai ILP bergantung kepada harga yang mendasari unit, bergantung kepada prestasi dana yang dipilih oleh pemegang polisi induk anda.

Peringatan: Sila baca ilustrasi jualan yang menyatakan manfaat produk dan objektif dana berkait pelaburan.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- Premium bulanan akan dikenakan mengikut jenis pelan yang anda pilih (Sila rujuk Bahagian B bagi Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan pada Risalah Pemberitahuan Produk ini).
- Amaun premium adalah sama bagi semua ahli yang layak tanpa mengambil kira umur mereka.
- Premium perlu dibayar sehingga polisi matang atau perlindungan dihentikan, mana yang berlaku dahulu.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- a) Caj insurans – Jumlah asurans tertakluk kepada caj; iaitu Syarikat berhak untuk mengubah caj insurans bagi tahun polisi selanjutnya bergantung kepada profil umur purata dan pengalaman tuntutan bagi skim. Caj insurans ditolak secara bulanan dengan membatalkan unit dalam dana yang dilaburkan oleh pemegang polisi mengikut Nilai Aset Bersih (NAV).
- b) Komisen bagi khidmat pengantara – (Sila rujuk Bahagian C bagi Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan pada Risalah Pemberitahuan Produk ini).
- c) Yuran perkhidmatan bagi pemegang polisi induk – (Sila rujuk Bahagian D bagi Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan pada Risalah Pemberitahuan Produk ini).

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- a) Jika anda tidak mendedahkan fakta yang anda ketahui atau patut ketahui dengan sepenuhnya dan sejujurnya, polisi mungkin menjadi tidak sah. Jika anda ragu-ragu sama ada sesetengah fakta adalah material atau pun tidak, fakta tersebut hendaklah didedahkan.
- b) Skim ini memerlukan penyertaan minimum 100 orang pada bila-bila masa. Syarikat berhak menamatkan skim ini jika penyertaan adalah kurang daripada jumlah minimum yang diperlukan pada bila-bila masa.
- c) Tempoh memerhati bebas – anda boleh menamatkan pelan dalam tempoh 15 hari selepas menerima pelan ini. Jika polisi ditamatkan dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik amaun yang bersamaan dengan (a) jumlah nilai pelaburan polisi berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV) semasa tarikh penilaian yang berikutnya; (b) nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk membayar caj insurans dan yuran polisi; dan (c) amaun premium yang tidak diperuntukkan; ditolak perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- d) Tempoh menunggu – kelayakan bagi manfaat penyakit kritikal hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh berkuat kuasa pelan ini.
- e) Tempoh tenggang – Pelan ini akan luput jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tenggang selama 90 hari.
- f) Penarikan balik dana – Hayat yang diasuranskan boleh menjual sebahagian daripada unit selepas mencarum untuk sekurang-kurangnya 12 bulan.
- g) Promosi khas – Hanya 50% daripada jumlah asurans akan dibayar jika kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) berlaku dalam tempoh 2 tahun asurans pertama akibat sakit sedia ada seperti didedahkan dalam borang permohonan (bagi permohonan yang diterima berdasarkan pengunderaitan ringkas). Namun, manfaat tidak akan dibayar jika kematian/TPD disebabkan sakit sedia ada yang tidak didedahkan.
- h) Kesahihan – Cadangan hanya sah bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh cadangan. Borang cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan dengan serta-merta bagi mengelakkan sebarang penangguhan.
- i) Syarikat berhak mengubah kadar dalam Jadual Manfaat dan/atau Kadar Premium dan/atau Yuran Polisi dan/atau Caj Insurans dan/atau terma dan peruntukan Polisi ini (termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am) dari semasa ke semasa seperti yang dianggap sesuai mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dengan memberi notis bertulis selama tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi Induk.
- j) Tempoh apabila premium tidak dibayar – Syarikat akan memaklumkan anda dengan memberi notis kepada Pemegang Polisi Induk sebelum asurans anda luput kerana tidak membayar premium.
- k) Permulaan Risiko dan tarikh Matang – Maklumat akan dinyatakan dalam Sijil Insurans.
- l) Pesara atau individu yang telah berhenti kerja dan bukan lagi ahli Kesatuan (Pemegang Polisi Induk) hendaklah membayar premium melalui FPX (Pertukaran Pembayaran Kewangan). Caj perkhidmatan sebanyak RM0.80 bagi setiap transaksi yang dikenakan pihak bank bagi kemudahan ini perlu ditanggung oleh pemilik polisi.
- m) Notis perubahan – Bagi memudahkan pihak anda, kami akan mengemas kini alamat perhubungan anda melalui Sijil Premium Asurans Hayat Tahunan kami (LAPC). Perubahan berkaitan yang memerlukan perhatian anda akan dinyatakan dalam LAPC juga.

Nota : Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini. Pemegang polisi kontrak induk bagi GS 106 ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kematian/Hilang Upaya Total dan Kekal/Hilang Upaya Separa dan Kekal
 1. Disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
 2. Akibat penglibatan dalam sebarang bentuk penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam penerbangan berjadual biasa
 3. Sedia wujud sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa di bawah polisi ini.
 4. Akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau pun tidak.
 5. Akibat provokasi yang menyebabkan serangan, pengambilan dadah, menyelam skuba, memburu atau sebarang bentuk perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki).
 6. Bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari perlindungan polisi.
- Manfaat Penyakit Kritikal
 1. Sedia wujud sebelum perlindungan bermula.
 2. Didiagnosis dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama dari tarikh asurans telah berkuat kuasa bagi hayat yang diasuranskan.
 3. Penyakit kritikal, yang berkaitan dengan sakit sedia ada atau berkaitan atau komplikasi fungsi badan yang sedia ada.

- Elaun Hospital
 1. Kemasukan hospital akibat sakit sedia ada tidak akan dibayar.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi induk bagi senarai pengecualian penuh di bawah pelan ini. Pemegang polisi kontrak induk bagi GS 106 ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Membeli pelan berkait pelaburan dengan premium tetap adalah satu komitmen jangka panjang. Anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi, iaitu nilai penebusan bergantung pada nilai pasaran semasa yang mendasari aset dalam dana. Oleh itu, nilai penebusan mungkin kurang daripada jumlah premium yang dibayar.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya / penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda / penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda / penama dengan sepatutnya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat Berkait Pelaburan, sila rujuk dengan Pemegang Polisi Induk anda atau pengantara rasmi yang mana keterangan hubungan boleh didapati dalam risalah jualan atau hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Ibu Pejabat	: Menara Great Eastern, Tingkat 8 303, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.
Tel	: (603) 4259 8888
Faks	: (603) 4259 8899
E-mel	: grouplife@lifeisgreat.com.my

10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila semak dengan pengantara atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAIT PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI RISIKO DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "PENAMBAHAN". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAIT PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada _____.

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jadual Manfaat, Premium & Komisen

Jenis Pelan (Jumlah Asurans)	BAHAGIAN A: Manfaat (RM)					BAHAGIAN B: Premium Bulanan (RM)	BAHAGIAN C: Komisen kepada Pengantara		BAHAGIAN D: Yuran Perkhidmatan	
	Kematian atau TPD atau 36 Penyakit Kritikal	Kematian atau TPD akibat kemalangan (Bayaran Tambahan)	Perbelanjaan Pengebumian	Jumlah Nilai Pelaburan (TIV)	Elaun Hospital Kerajaan (jumlah hari bermalam)		Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)	Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)
20,000	20,000	20,000	2,000	berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV)	20.00	22	10	2.20	2	0.44
30,000	30,000	30,000	2,000		30.00	33	10	3.30	2	0.66
40,000	40,000	40,000	2,000		40.00	44	10	4.40	2	0.88
50,000	50,000	50,000	2,000		50.00	55	10	5.50	2	1.10
60,000	60,000	60,000	2,000		60.00	66	10	6.60	2	1.32
70,000	70,000	70,000	2,000		70.00	77	10	7.70	2	1.54
80,000	80,000	80,000	2,000		80.00	88	10	8.80	2	1.76
90,000	90,000	90,000	2,000		90.00	99	10	9.90	2	1.98
100,000	100,000	100,000	2,000		100.00	110	10	11.00	2	2.20
110,000	110,000	110,000	2,000		100.00	120	10	12.00	2	2.40
120,000	120,000	120,000	2,000		100.00	130	10	13.00	2	2.60
130,000	130,000	130,000	2,000		100.00	140	10	14.00	2	2.80
140,000	140,000	140,000	2,000		100.00	150	10	15.00	2	3.00
150,000	150,000	150,000	2,000		100.00	160	10	16.00	2	3.20
160,000	160,000	160,000	2,000		100.00	170	10	17.00	2	3.40
170,000	170,000	170,000	2,000		100.00	180	10	18.00	2	3.60
180,000	180,000	180,000	2,000		100.00	190	10	19.00	2	3.80
190,000	190,000	190,000	2,000		100.00	200	10	20.00	2	4.00
200,000	200,000	200,000	2,000		100.00	210	10	21.00	2	4.20
210,000	210,000	210,000	2,000		100.00	220	10	22.00	2	4.40
220,000	220,000	220,000	2,000		100.00	230	10	23.00	2	4.60
230,000	230,000	230,000	2,000		100.00	240	10	24.00	2	4.80
240,000	240,000	240,000	2,000		100.00	250	10	25.00	2	5.00

Nota:

- 1.) Polisi anda akan tamat apabila berlaku Kematian atau Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) atau salah 1 daripada 36 Penyakit Kritikal atau 100% tuntutan bagi jumlah asurans bagi hilang upaya separa dan kekal, mana yang berlaku dahulu.
- 2.) Manfaat Maksimum yang dibayar bagi Elaun Hospital adalah sehingga 500 hari bagi setiap hayat.
- 3.) Elaun Hospital Maksimum jika dimasukkan di hospital kerajaan ialah RM 100/malam.
- 4.) Komisen bagi Pengantara dibayar untuk tempoh 16 tahun atau sehingga polisi anda matang atau sehingga perlindungan berhenti, mana yang berlaku dahulu.
- 5.) Yuran Perkhidmatan dibayar sehingga polisi anda matang atau sehingga perlindungan berhenti, mana yang berlaku dahulu.